

09 FEB 2004

Abdullah-Ibu

NASIHAT IBU BANYAK PENGARUHI GAYA SAYA, KATA ABDULLAH

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi malam

ini berkata nasihat ibunya yang meninggal dunia pada 2 Feb lepas banyak

mempengaruhi gaya beliau menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri.

Abdullah berkata nasihat dan peringatan ibunya masih segar dalam ingatannya.

"Sebenarnya banyak nasihat ibu saya pengaruhi cara dan hubungan saya

dengan orang lain. Walaupun ibu saya tidak ada lagi tapi nasihat dan peringatannya masih segar," katanya dalam wawancara eksklusif dengan TV3

sempena genap 100 hari beliau menjadi Perdana Menteri.

Abdullah yang ditemuramah oleh wartawan TV3 Fuad Rahman berkata, beliau

sangat-sangat menghargai segala nasihat dan peringatan ibunya itu.

Ibu Abdullah, Datuk Kailan Hassan, 78, meninggal dunia kerana sakit tua.

Abdullah juga berkata setelah mengambilalih tugas Perdana Menteri

daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas, beban tugasnya telah

bertambah.

"Kerja banyak sungguh yang perlu saya laksanakan. Ada masa-masanya saya

menghadapi keputusan yang saya kena buat yang orang lain tak boleh buat.

Itu memberi saya pengertian bahawa keputusan saya itu kalau tak kena akan

susahkan orang lain dan kalau kena akan bawa kebaikan kepada rakyat.

"Itulah ertinya beban tanggungjawab yang dipikul. Saya bersyukur keputusan-keputusan yang saya buat diterima oleh majoriti rakyat," katanya.

Abdullah juga berkata beliau merasa sedih kerana tidak dapat berjumpa

dengan kawan-kawan semudah seperti sebelum menjadi Perdana Menteri.

"Itu yang merimaskan dan menyusahkan saya. Saya rasa sedih orang yang

biasa jumpa, sekarang saya tak dapat jumpa. Jadi tak seronoklah.

Kadang-kadang jumpa ada tanya khabar satu dua minit. Setakat yang saya

mampu layan saya layan. Tapi saya tak lupa pada kawan-kawan," katanya.

Abdullah berkata dasar-dasar yang digubal semasa Tun Dr Mahathir

berjalan seperti biasa, tetapi yang berbeza hanyalah daripada segi cara ia dilaksanakan.

"Gaya berbeza...misi sama. Cara mengerakkan misi berlainan," kata Abdullah.

Mengenai rasuah, Abdullah berkata gejala itu jika tidak dibendung akan membawa banyak masalah kepada negara, pentadbiran dan juga kepada pihak swasta.

"Tapi saya rasa semua rakyat Malaysia akui (rasuah) tak baik dan boleh bawa masalah besar...dan imej tak baik," katanya.

Abdullah berkata jika rasuah dibiarkan berterusan maka pelabur asing akan lari dan golongan peniaga juga tidak akan berminat untuk menjalankan perniagaan mereka.

Abdullah berkata kakitangan awam juga menyokong usaha beliau untuk membendung rasuah di semua peringkat.

"Saya tak pernah dengar ada sesiapa tulis surat laporan bantah sedikitpun (usaha ini). Bahkan mereka sama-sama akui masalah ini perlu dihapuskan."

"Paling tak menyenangkan apabila persepsi rasuah itu tebal sehingga menyebabkan imej sesuatu jabatan atau agensi jadi tak baik. Kata mereka (kakitangan awam) kalau ada political commitment betul-betul untuk membendung rasuah kami tak ada masalah untuk memberi sokongan," kata Perdana Menteri.

Abdullah juga berkata tidak berguna jika negara mempunyai kemudahan dan infrastruktur kelas satu tetapi minda rakyat kelas tiga.

"Bermakna perbelanjaan dan tenaga bagi wujudkan infrastruktur tak datangkan hasil yang diharapkan...faktor manusia tidak memberi faedah yang diharapkan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau turut bimbang dengan trend kemajuan pesat sekarang yang menyebabkan rakyat menjadi lebih individualistik.

"Ada tanda-tanda...bagi seorang yang tinggal di kota besar jirannya bukan orang sebelah tapi yang mungkin tinggal 10km dari rumahnya...Jiran dekat macam tak wujud. Tak ambil kisah kedudukan masyarakat dalam lingkungan jirannya," kata beliau.

Abdullah berkata beliau melihat memang wujud keinginan

kakitangan awam
bagi meningkatkan imej jabatan dan agensi dalam memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat dengan mengambilkira saranan beliau seperti pengenalan borang maklumat balas pelanggan, perkhidmatan memberi lesen dan kaunter.

"Sebab inilah contact point antara jabatan dan rakyat," katanya.

Mengenai polis, Abdullah berkata persepsi mengenai pasukan itu tidak begitu membanggakan tetapi jika dilihat secara objektif mereka memang melaksanakan tugas mereka.

Abdullah berkata jika pasukan polis langsung gagal menjalankan tugas mereka tentunya rakyat tidak dapat menikmati keamanan seperti sekarang.

"Jadi polis bekerja...saya juga memahami kerja polis sekarang mencabar berbanding zaman dulu...zaman cyber, teknologi yang diguna oleh penjenayah juga lebih canggih. Jadi dalam keadaan masa sekarang jenis jenayah komersil juga banyak berlaku."

Sebab itulah polis perlu meningkatkan kecekapan dan keupayaan daripada segi alat dan ilmu yang digunakan di samping kecekapan peribadi.

Abdullah berkata penubuhan Suruhanjaya Diraja baru-baru ini adalah dengan niat menjadikan polis lebih berupaya dan berwibawa menangani masalah di masa depan.

"Sebab saya akui dan juga oleh pegawai tinggi (polis) bahawa rancangan untuk baiki memang ada. Setengah orang kata (suruhanjaya itu) akan jadi police-bashing...bukan begitu, kita nak supaya ia memikirkan langkah yang boleh diambil supaya polis lebih berupaya dalam tindakannya," katanya.

Abdullah juga ditanya sama ada pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak telah membawa apa-apa masalah atau perbalahan dalam parti.

"Tak ada masalah apa-apa...Tidak ada pihak lain cuba menimbulkan..kadang-kadang saya dengar jugalah di peringkat awal tapi setelah beberapa kali Najib buat kenyataan tentang dia dan saya boleh kerja dan taat setia (pada saya)...sesiapa nak cucuk tak boleh cucuklah, kecewalah mereka," kata Abdullah.

Mengenai situasi di Kelantan, Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno

berkata bahawa situasi sekarang bertambah baik dengan program-program yang dijalankan mendapat sambutan baik daripada rakyat berbanding dulu.

Menurutnya situasi bagi Umno dan BN di Terengganu pula adalah lebih baik daripada di Kelantan.

"Jadi harapan BN untuk capai kejayaan lebih besar (adalah baik)," katanya.

Mengenai pencemaran alam sekitar, Abdullah berkata semua pihak harus berusaha mengambil tindakan bagi menghentikan apa jua pencemaran.

Menurutnya kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dalam hal ini juga perlu dipertingkatkan.

"Pencemaran tak boleh dibiarkan...jika dibiarkan nanti kita akan rasa rimas dan... udara tak bersih, sampah sarap sana sini..air tak bersih," katanya.

Mengenai kemalangan jalan raya yang semakin bertambah di negara ini, Abdullah berkata penyelesaian kepada masalah itu banyak bergantung kepada faktor kemanusiaan.

"Drebar yang tak cekap...yang bawa tidak bertimbang rasa tidak ambil kira peraturan dan undang-undang. Maka sebab itu kita nak pastikan drebar-drebar ini patuhi peraturan jalan raya," katanya.

Mengenai kes-kes jenayah kejam yang semakin bertambah, Abdullah berkata rasa marah rakyat memang wujud dan mereka mahu tindakan diambil supaya ia menjadi penghalang kepada mereka yang lain.

"Saya kata pada pihak polis kita tak boleh berada di semua tempat...polis mesti bertindak cepat sekali...dalam masa yang terdekat kena tangkap lepas itu siasatan dibuat dengan cepat dan selepas itu penjenayah berkenaan dibawa ke mahkamah untuk didakwa dan hukuman dijatuhkan. Barulah dikatakan ada deterrent dan pihak ini (yang nak terlibat dalam penjenayah) rasa takut," kata Abdullah.

-- BERNAMA
RV RV PR